

**YS INTERNATIONAL EDUCATION SDN BHD**  
**Lot 449, Jalan Casuarina, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak**

**NOTIS SEBUTHARGA**

31. Sebut harga adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontaktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori dan Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan berikut: -

No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Pendaftaran Kategori, Kepala, & Sub-kepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Mula Pengambilan/ Penjualan Dokumen Sebut Harga	Tarikh Tutup dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga
YSIE/SBW/SH/NO.2/2024	<i>Membekal, Menghantar, Memasang dan Menyelenggara Komputer Makmal di Yayasan Sarawak International Secondary School (YSISS), Sibul</i>	UPKJ Bumiputera (jika ada) Kelas: Kepala: IV (Office Machines/Equipment/ Technical Supplies and Others) Sub-kepala: 8 (Computers)	RM50.00 (tidak dikembalikan)	19 September 2024 (Khamis)	27 September 2024 (Jumaat) Sebelum 12:00 Tengahari

32. Dokumen sebut harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah **mengemukakan SIJIL ASAL PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berstatus.Bumiputera) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA (Jika Berkenaan)** sebelum dokumen sebut harga dijual kepada Pembekal Kontraktor yang layak.
33. Segala bayaran yang dikehendaki dalam notis sebut harga ini hendaklah dibuat melalui pejabat **YS International Education Sdn Bhd** dan hendaklah dibuat dalam bentuk **Tunai**.
34. Dokumen sebut harga boleh diperolehi di **pejabat YS INTERNATIONAL EDUCATION SDN BHD Lot 449, Jalan Casuarina Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak** mulai **19 September 2024 (Khamis)** pada waktu-waktu berikut:

Hari	Waktu
Isnin – Khamis	8.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.00 petang – 4.00 petang
Jumaat	8.00 pagi – 11:00 pagi 2.30 petang – 4.00 petang

35. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam **PETI SEBUT HARGA YS INTERNATIONAL EDUCATION SDN BHD** dengan menggunakan sampul berlakri serta mempunyai catatan **Nombor pembida dan Tajuk sebutharga**.
36. Pembida adalah dinasihatkan untuk mengemukakan dokumen sebut harga lebih awal dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan dokumen sebut harga pada hari sebut harga ditutup. Ini adalah berikutan arahan dan peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki pejabat YS International Education Sdn Bhd dan bagi memastikan pembida dapat mengemukakan dokumen sebut harga sebelum tarikh dan masa tutup sebut harga.
37. YS International Education Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab sekiranya pembida gagal mengemukakan dokumen sebut harga pada masa dan tarikh yang ditetapkan, disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki pejabat.
38. Dokumen sebut harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup **27 September 2024 (Jumaat)** di alamat seperti di bawah: -

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga  
c/o YS INTERNATIONAL EDUCATION SDN BHD  
Lot 449, Jalan Casuarina, Petra Jaya 93050 Kuching, Sarawak

39. Dokumen sebut harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
40. YS International Education Sdn Bhd tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.